

## **MEMPERKUKUH PERANAN BAHASA MELAYU SEBAGAI PENGHELA DAN WAHANA ILMU PENGETAHUAN, TEKNOLOGI DAN SENI DI SELATAN THAILAND**

*Suraiya Chapakiya*  
(Thailand)

### **Abstrak**

Makalah ini membicarakan tentang bagaimanakah memperkukuh peranan bahasa Melayu sebagai wahana ilmu pengetahuan, teknologi dan seni di kalangan penutur bahasa ibunda di selatan Thailand. Kaedah dan usaha memperkukuh bahasa Melayu di Thailand memperlihatkan bahawa bahasa Melayu telah digunakan sebagai bahasa pengantar ilmu agama seterusnya ilmu bahasa. Dalam era serba moden bahasa Melayu perlu digunakan sebagai wahana teknologi, kerana dengan menggunakan teknologi moden seperti komputer, *laptop*, *ipad*, *tablet*, telefon bimbit dan lain-lain, akan memberi banyak kemudahan dan manfaatnya. Selain itu, bahasa Melayu juga memainkan peranan penting sebagai wahana seni. Hal ini penting kerana seni sesuatu bangsa mencerminkan identiti bangsanya. Oleh itu, untuk memajukan tamadun bangsa Melayu, maka bangsa Melayu itu sendiri perlu berusaha memperkukuh peranan bahasa Melayu sebagai penghela dan wahana ilmu pengetahuan, teknologi dan seni.

### **Pendahuluan**

Bahasa Melayu merupakan wahana penting dalam meningkatkan taraf hidup manusia yang berbilang kaum dan negara. Bahasa Melayu telah digunakan secara meluas meliputi alam Melayu seperti negara Malaysia, Brunei Darussalam, Singapura, Indonesia, Kemboja dan Selatan Thailand. Di Selatan Thailand, khususnya masyarakat yang tinggal di lima wilayah sempadan selatan seperti wilayah Yala, Pattani, Narathiwat, Songkhla dan Satun menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dan sebagai jati diri masyarakat tempatan (Khalid dkk, 2014, p. 229, Naffi, 2014, p. 289 dan Suraiya, 2014, p. 443).

Bahasa Melayu telah berkembang pesat bukan hanya di ASEAN malah di negara-negara maju. Antara fakulti-fakulti yang menawarkan kursus pengajian bahasa Melayu di universiti-universiti luar negara seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia, Belanda, China, Jerman, New Zealand dan beberapa tempat yang lain. Keindahan dan kesantunan berbahasa juga akan mudah diterima oleh orang-orang luar dan mereka akan memperkenalkan negara-negara yang mengamalkan bahasa Melayu sebagai negara yang mempunyai lambang jati diri yang indah dan berbudi bahasa (Suraiya, 2013, p. 47). Memang tidak dapat dinafikan bahawa seseorang yang menjawai bahasa, sastera dan budaya bangsanya akan mempunyai tamadun bangsa dan pandangan dunia yang luas (Hanifah, 2014, p. 64).

Awang Sariyan (2014), menyatakan bahawa peranan bahasa Melayu sebagai bahasa dunia atau bahasa antarabangsa telah menjadi fakta dalam perkembangan dan kebangkitan



tamadun Melayu iaitu sejak zaman Sriwijaya pada abad ke-tujuh lagi. Bahasa Melayu juga berperanan penting dalam pelbagai bidang di Nusantara seperti bahasa penyebaran agama, bahasa politik, bahasa pendidikan, bahasa ekonomi dan lain-lain (Awang Sariyan, 2014 dan Phaosan, 2012, P. 123).

Di Malaysia, bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan yang berfungsi sebagai bahasa rasmi negara, bahasa pentadbiran, bahasa perhubungan dan bahasa perpaduan (Zaharani, 2014, p. 2013). Di Thailand, khususnya selatan Thailand penyebaran dan penggunaan bahasa Melayu telah meningkatkan kesedaran masyarakat tempatan terhadap bahasa ibunda untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, bahasa komunikasi dan bahasa komuniti Asean (Suraiya dan Abdul Halim, 2014, p. 79).

Menurut RattiyaSaleh (2010) masyarakat Melayu di selatan Thailand menyebut bahasa Melayu sebagai “BasoNnayu”, istilah “Baso” mempunyai dua maksud, iaitu “Bahasa” dan “Bangsa”. Masyarakat selatan Thailand menganggap bahasa dan bangsa sebagai satu maksud yang sebatи atau telah disatukan sebagai darah dan daging, manakala agama Islam merupakan nadi dalam kehidupan harian(RattiyaSaleh, 2010, p. 75).

Oleh itu, untuk memajukan tamadun bangsa Melayu di negara Thailand, orang-orang Melayu sendiri perlu memperkuuh peranan bahasa Melayu dalam beberapa aspek, seperti bahasa Melayu sebagai penghela dan wahana ilmu pengetahuan, bahasa Melayu sebagai penghela dan wahana teknologi, dan bahasa Melayu sebagai penghela dan wahana seni.

### **Bahasa Melayu sebagai penghela dan wahana ilmu pengetahuan**

Sebagaimana yang telah sedia maklum bahawa SyekhDaud al-Fatoni yang berasal dari Patani merupakan salah seorang tokoh Melayu yang menggunakan bahasa Melayu tulisan jawi dalam penulisan kitab-kitab agama dan kitab-kitab beliau dibaca oleh orang-orang Melayu di seluruh Nusantara (Idris dan Abdul Halim, 2012, p. 251).

Mohd.Saghir dalam Mohd.Tarmizi (2013) menyatakan bahawa pada abad ke-20, selain Abdullah Munsyi dan Raja Ali Haji sebagai tokoh ilmuan atau bahasawan Melayu terdapat seorang lagi bahasawan dari patani, iaitu Syekh Ahmad al-Fatoni. Kenyataan ini disokong oleh seorang orientalis Belanda iaitu SnouckHurgronje yang banyak terpengaruh dengan para ilmuan Melayu di Mekah. Beliau menyatakan Syekh Ahmad al-Fatoni banyak menghasilkan karya dalam pelbagai bidang seperti bidang agama, sastera, sejarah, politik dan bahasa (Mohd.Tarmizi, 2013, p. 40-42). Berdasarkan pernyataan ini, bahasa Melayu perludiperkuuh dan berperanan penting sebagai penghela dan wahana ilmu pengetahuan.

Di selatan Thailand, bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah tadika, sekolah menengah agama swasta, institusi pondok, jabatan bahasa Melayu di universiti, dewan bahasa dan pustaka Melayu Thailand (DBPMT), ceramah agama, khutbah Jumaat, khutbah hari raya, buku-buku agama dan sebagainya.



Sekolah tadika merupakan salah satu institusi penting bagi memperkuuh peranan bahasa Melayu di selatan Thailand, khususnya bahasa Melayu sebagai asas pendidikan awal kanak-kanak yang merupakan penghela dan wahana ilmu pengetahuan agama Islam, sama ada bahasa Melayu tulisan jawi atau tulisan rumi. Sebenarnya, pengajaran dan pembelajaran sekolah tadika di selatan Thailand hanya dua hari setiap hujung minggu iaitu pada hari Sabtu dan Ahad dan semua mata pelajaran adalah berasaskan ilmu agama Islam di samping bahasa Arab, dan bahasa Melayu (Rahimah, 2002: 35).

Institusi pondok pula telah muncul di Patani sejak awal abad ke-20 dan dianggap sebagai pusat pendidikan agama Islam yang terkenal di tanah Melayu. Kebanyakan pelajar yang datang belajar di Patani berasal dari Semenanjung Tanah Melayu, seperti negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perak. Apabila mereka pulang ke tanah air, mereka akan memperkenalkan institusi pondok di negara mereka masing-masing (Nik Abdul Rakid, 2003, p. 180). Selain itu, kajian Ahmad Omar (2002) menyatakan bahawa institusi pondok merupakan pendidikan asas sejak Islam mula bertapak di selatan Thailand, iaitu sejak abad kedua belas lagi. Institusi pondok merupakan institusi pengembangan agama Islam terpenting bagi masyarakat Melayu tempatan dan masih kukuh mempertahankan bahasa Melayu tulisan jawi dengan baik. Ini menunjukkan bahasa Melayu merupakan penghela dan wahana ilmu agama Islam di selatan Thailand.

Sekolah menengah agama swastadi lima wilayah sempadan selatan juga memainkan peranan penting dalam memperkuuh peranan bahasa Melayu di selatan Thailand. Ini kerana kebanyakan guru menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pelajaran agama, di samping bahasa Thai sebagai bahasa pengantar pelajaran akademik. Hal ini merupakan salah satu cara untuk meningkatkan taraf pendidikan dalam kalangan masyarakat selatan Thailand, iaitu dengan menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dapat membantu murid-murid memahami dan menguasai sesuatu pelajaran agama dengan lebih berkesan.

Selain itu, institusi-institusi pengajian tinggi memang memainkan peranan penting dalam memperkuuh peranan bahasa Melayu sebagai penghela dan wahana ilmu pengetahuan. Ini kerana para pelajar dapat mempelajari ilmu bahasa Melayu secara khusus dalam bidang bahasa Melayu di selatan Thailand. Kini terdapat beberapa universiti yang telah menawarkan program bahasa Melayu di peringkat Ijazah Sarjana Muda, seperti Universiti Fatoni, Universiti Rajabhat Yala, Universiti Princes of Songkhla, Universiti Thaksin dan lain-lain. Para pelajar perlu dide dahkan dengan aktiviti-aktiviti seminar, kursus, kem bahasa Melayu dan sebagainya. Di samping itu, bilangan pelajar yang mengambil program bahasa Melayu di universiti-universiti tersebut semakin bertambah dan bukan sahaja terdiri daripada pelajar keturunan Melayu, malah terdapat juga pelajar bukan keturunan Melayu (Idris dan Abdul Halim, 2012).

DBPMT juga merupakan sebuah badan hasil usaha masyarakat dengan kerjasama pihak kerajaan (Pusat Pentadbiran wilayah sempadan selatan) untuk mewujudkan sebuah badan yang berfungsi sebagai peneraju utama pelaksanaan program pengembangan dan



pembangunan bahasa dan persuratan Melayu di Thailand, iaitu untuk membina dan memperkaya bahasa Melayu dalam semua bidang, menyebarkan bahasa, sastera dan budaya Melayu, menerbitkan hasil percetakan, menyelaraskan urusan bahasa Melayu, menggalakkan penggunaan bahasa Melayu yang betul dan lain-lain. Secara umumnya, DBPMT bertindak sebagai agensi rasmi yang menyelaras dan melaksanakan cadangan-cadangan dan dasar-dasar yang diputuskan oleh kerajaan atau DBPMT sendiri (Abdul Halim dan Norsaliza, 2014, p. 323).

Selain itu, penggunaan bahasa Melayu dalam ceramah agama, khutbah Jumaat, khutbah hari raya, buku-buku agama dan buku-buku bahasa dan sastera Melayu di selatan Thailand. Berdasarkan pernyataan di atas, memang tidak dapat dinafikan bahawa peranan bahasa Melayu telah dapat dilaksanakan dalam bidang pendidikan di selatan Thailand. Walau bagaimanapun, peranan bahasa Melayu masih belum cukup berjaya. Ini disebabkan oleh beberapa faktor, pertama, bahasa Melayu dalam kalangan guru sekolah tadika, sekolah menengah agama swasta, dan lain-lain. Bahasa Melayu yang digunakan merupakan bahasa Melayu loghat tempatan yang bercampur aduk dengan bahasa Thai. Faktor kedua, penerbitan bahan bacaan dalam bahasa Melayu sangat kurang, kecuali buku-buku agama yang dicetak menggunakan tulisan jawi, manakala buku bahasa dan sastera masih kekurangan. Penerbitan bahan bercetak diperlukan untuk memupuk rasa cinta dan suka membaca da-lam kalangan masyarakat sekali gus untuk menambah ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang, sama ada dari dalam dan dari luar negara.



### Bahasa Melayu sebagai penghela dan wahana teknologi

*Kamus dewan*(2007, p.) menyebutkan menghela berasal dari kata dasar hela atau hala yang bermaksud arah atau tuju, wahana bermaksud saluran atau perantaraan, dan teknologi bermaksud aktiviti atau kajian yang menggunakan pengetahuan sains untuk tujuan praktis dalam industri, pertanian, perubatan dan sebagainya. Dengan demikian, bahasa Melayu sebagai penghela dan wahana teknologi dapat dimaksudkan sebagai bahasa



Melayu dengan fungsinya berperanan memajukan dan memperkembangkan ilmu sains dalam peradaban manusia.

Pada tahun 1960-an Marshall McLuhan, memberi definisi era teknologi sebagai manusia akan hidup seperti ‘kampung sejagat’ atau ‘globalisasi’. McLuhan pula menyatakan faktor komunikasi dapat merentas sempadan dunia, iaitu melalui teknologi dengan kelajuan yang semakin pantas. Ini merupakan kuasa canggih untuk mencapai tahap perkembangan yang lebih cepat (Rozali, 2012. p. 3).

Sebagaimana yang telah sedia maklum, pelbagai usaha telah dijalankan di negara jiran seperti Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam dan Singapura, khususnya Dewan Bahasa dan Pustaka di Malaysia dan Brunei Darussalam, Pusat Pengembangan Bahasa Indonesia di negara Indonesia, Majlis Bahasa Melayu Singapura di Singapura dan pejuang-pejuang bahasa Melayu di negara-negara tersebut telah memanfaatkan kecanggihan teknologi maklumat bagi memperkasa, merealisasi dan mengembangkan bahasa Melayu. Ini menunjukkan bahawa bahasa merupakan faktor utama dalam pembinaan masyarakat dan peradaban di negara-negara berkenaan.

Keupayaan dan kejayaan sesuatu bangsa dalam aspek rancangan teknologi maklumat bergantung pada isi kandungan dan bangsa sesebuah negara itu berusaha memanfaatkannya. Menurut Prof. Dr. Tengku Mohd Tengku, Pensyarah Kuliah Teknologi Maklumat dan Komunikasi dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia berkata “Sekiranya, kandungan disimpan dalam bahasa Melayu untuk menyebar ilmu dan melatari tamadun, maka teknologi pemprosesan bahasa Melayu perlu diwujudkan” (Nazmi, 2012)<sup>1</sup>.

Berdasarkan pernyataan di atas, hal ini membuktikan bahawa keperluan teknologi pemprosesan bahasa Melayu merupakan satu usaha penting untuk menyebarluaskan dan mendapat ilmu pengetahuan dengan cepat dan pantas dari pelbagai bidang dan negara. Di selatan Thailand kebanyakan masyarakat, khususnya generasi muda-mudi sekarang suka menggunakan teknologi maklumat dalam perhubungan, perniagaan, maklumat umum dan mencari ilmu pengetahuan dari dalam dan luar negara. Melalui teknologi maklumat dapat berurus secara lisandan tulisan, penghantaran mesej, dokumen, dan lain-lain dengan cepat dan pantas. Jadi, bahasa Melayu, budaya Melayu, dan kemajuan sesuatu bangsa dapat disebarluaskan melalui wahana teknologi. Dengan teknologi dapat menarik minat generasi baru dalam menjayakan tamadun bangsa Melayu.

Walaupun bahan-bahan teknologi berleluasa di Thailand, seperti komputer, *laptop*, *tablet*, *ipad*, telefon bimbit dan sebagainya. Namun, masih kekurangan dari segi penggunaan bahasa Melayu sebagai wahana teknologi. Hal ini perlu dititikberatkan oleh semua pihak untuk memanfaatkan teknologi ke arah kemajuan bangsa. Kerjasama dari semua pihak

---

<sup>1</sup> Maklumat tentang teknologi maklumat ini dipetik dari berita harian pada 27 Jun 2012 (Sumber [http://www2.bharian.com.my/bharian/articles/BahasaMelayudalamteknologimaklumat/Article/index\\_html](http://www2.bharian.com.my/bharian/articles/BahasaMelayudalamteknologimaklumat/Article/index_html))



sangat penting untuk menarik minat para pelajar khasnya dan amnya masyarakat selatan. Semua pihak perlu hubungkaitkan setiap bidang ilmu dengan teknologi

### **Bahasa Melayu sebagai penghela dan wahana seni**

Apabila perkataan seni diungkapkan kebanyakan orang akan tergambar seni budaya, seni lukis, seni bina dan sebagainya. Sebenarnya, seni sukar ditakrifkan sebagaimana nilai seni itu sendiri.Kamus dewan (2007) memberi maksud perkataan seni ialah halus, kecil, elok, enak suara didengar dan comel bentuk badan.Seni terdiri daripada karya sajak, lukisan, muzik dan hasil daripada sesuatu ciptaan.Seni juga sebagai orang yang mempunyai kebolehan untuk mencipta sesuatu yang luar biasa.

Dari aspek seni bahasa merupakan keupayaan seseorang mengungkapkan keindahan bahasa, memahami dan menghargai bahasa melalui pelbagai aktiviti.Dalam pendidikan, seni bahasa perlu diajar secara didik hibur untuk menarik minat dan membantu para pelajar dengan lebih berketerampilan serta menghayati seni bahasa Melayu yang indah dan bernilai tinggi.Melalui seni bahasa dapat membentuk para pelajar memiliki kemahiran berbahasa seperti kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dengan mudah dan berkesan (Noor Azlina, 2012 dan Samsiah, 2012).

Dengan demikian, peranan bahasa sebagai penghela dan wahana seni merupakan perkara penting dalam meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dengan lebih mudah, cepatdan menarik minat para pelajar, khususnya para penutur bahasa Melayu.Melalui seni bahasa, seseorang dapat meningkatkan penghayatan nilai dan seni bahasa Melayu.Hal ini penutur bahasa Melayu berkemampuan untuk melahirkan idea secara kreatif melalui bahasa yang indah dan halus serta dapat menghargai nilai bahasa dan sastera Melayu(Samsiah, 2012).

Antara contoh pantun Melayu Patani yang unik seperti berikut:

Dari Patani pergi ke Yala,  
Masuk kampung keluar kampung,  
Pagi-pagi kayuh basikal,  
Sebagai penjaja kekek dan kembung.

Pemuda pemudi mudah tergoda,  
Tersenyum sahaja sudah mesra,  
Masa itu sangat berharga,  
Orang Melayu itu mensia-siakan masa.

Dipetik dari Abdurrahman Ismail Dewani<sup>2</sup>

---

<sup>2</sup>Pantun ini dipetik dalam buku Bunga Rampai Sastera Melayu Lama. 2011. Pattani



Antara contoh sajak Melayu Patani yang unik seperti berikut:

### **Anakku**

Oleh: Usman Tanjung

Selamat datang anakku  
dengan senyum dan tawa  
akumenyambutmu.

Jasadmu yang halus dan lembut  
Sucinyakelahiranmu anak.

Anakku,  
bumi luas ini menerima mu  
ombak pantai bertepuk melambai  
pohon-pohon dan bunga  
terukir senyum,  
awan berarak bagai datang mengintai.

Hari ini anakku  
meningkat sudah usiamu  
dan bumi yang kau pijak ini  
tidak lagi seperti dahulu.

Tentang sinar bulan kau tanya itu  
berubah sudah bertukar suram.  
Seruling bambudari saujana sawah  
merdunya sering menghiburmu  
kini lenyap sudah.

Di udara  
ruang laluan burung-burung berterbangan  
kini bersimpang siur suara ngeri.

Tabahkan hatimu, anakku  
bumi di kaki yang kaupijak selama ini  
akankubersihkan  
daripada segala noda dan dosa  
sekalipunyahmu  
terpaksa bergadai nyawa.

Bukit Tanjung, Patani  
Mac 2007



## **Dunia Oh Dunia**

Oleh: Mohd. Lazim Lawee

Itu dia dunia berbicara dengan penuh susila  
Melontar senyuman kepada sesiapa sahaja  
Sentiasa menghiasi diri memikat makhluk manusia  
Hari ini dia membuat mereka ketawa  
Besok membuat mereka menangis dan terseksa.

Dunia,  
Engkau adalah hiasan, penggoda dan penawan  
Engkau menjadi rebutan  
Adalah penipuan dan halangan  
Adalah syurga orang kafir, penjara orang beriman.

Bagi insan beriman,  
Memanfaatkan dunia demi kemudahan dan kebaikan  
Menjadikannya ruang persinggahan  
Untuk bercucuk tanam pengumpul bekal  
Bertakwa itu terbaik pencarian  
Untuk akhirat yang berkekalan.

Bilik rehat, Asrama Kolej Islam Yala  
6 Oktober 2003

Antara contoh pantang larang Melayu Patani yang unik seperti berikut:

- Budak kuat menangis ditelan hantu ngongi  
(tidak suka mendengar budak menangis)
- Mandi berenang dalam sungai ditangkap buaya  
(takut hanyut atau ditenggelamkan oleh air)
- Jangan berkejar dalam rumah, marah hantu syaitan  
(tidak suka budak-budak buat bising dalam rumah).

Dipetik dari Abdurrahman Ismail Dewani<sup>3</sup>

Selain itu, seni bahasa seperti puisi, pantun, gurindam, peribahasa dan lain-lain sering digunakan sebagai alat perhubungan dalam kehidupan harian masyarakat Melayu di selatan Thailand untuk menyampaikan maksud mesej dengan bentuk yang indah dan memberi kesan terhadap bahasa ibunda. Terdapat beberapa kegiatan seni bahasa Melayu

---

<sup>3</sup> Pantang larang ini dipetik dalam buku Saqafah budaya Melayu. 2011. Pattani



yang telah diadakan di selatan Thailand, contohnya Jabatan Bahasa Melayu di Universiti Princes of Songkhla dengan kerjasama GAPENA (Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia dan DBP (Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia) dalam mengadakan beberapa seminar termasuk program "Malam Puisi Melayu". Kegiatan malam sastera ini diadakan secara bergilir tempat dan wilayah, khususnya, wilayah Yala, Pattani dan Narathiwat. Hal ini memainkan peranan penting dalam memperkuuh bahasa Melayu sebagai wahana seni (Nik Abdul Rakib, 2012).

Dengan adanya DBPMT (Dewan Bahasa dan Pustaka Melayu Thailand) merupakan salah satu organisasi penting bagi memperkuuh peranan bahasa Melayu sebagai wahana seni. Antara rancangan kegiatan DBPMT bagi tahun 2015, seperti aktiviti pertandingan pidato bahasa Melayu, malam sastera, bengkel sajak, pantun, penulisan karangan, kertas kerja, kembara bahasa dan kursus guru bahasa Melayu. Bagi pertandingan pidato bahasa Melayu terbahagi kepada dua kategori, iaitu kategori penutur Melayu dari lima wilayah sempadan selatan dan kategori kebangsaan yang terdiri dari penutur jati bahasa Thai dari seluruh negara Thailand. Bengkel sajak, pantun, dan penulisan karangan dan sebagainya merupakan wadah untuk membangkit kembali seni bahasa Melayu yang jarang dikenali oleh generasi baru, khususnya para guru, para pelajar, belia, dan masyarakat Melayu di selatan Thailand. Di samping itu, kembara bahasa merupakan satu aktiviti penting yang dipерkenalkan oleh DBP Malaysia yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat Melayu tentang peranan bahasa dan persuratan dalam pembinaan jati diri, meningkatkan perpaduan dalam kalangan masyarakat, mengangkatkan ilmu bahasa, sastera dan budaya tempatan, membuat pertemuan dengan masyarakat dan mengendalikan aktiviti bahasa, persuratan, kebudayaan dan kemasyarakatan, serta menjelajah negeri-negeri Melayu di negaranya. Hal ini, perlu dicontohi dan digunakan untuk memperkuuh peranan bahasa Melayu di setiap negara. Selain itu, kursus bahasa Melayu merupakan perkara penting kerana seni bahasa merupakan komponen penting untuk menekankan kepada keindahan bahasa secara didik hibur. Aktiviti-aktiviti didik hibur dalam bentuk seni bahasa dapat meningkatkan penghayatan nilai seni bahasa Melayu itu sendiri.

Di samping itu, Majlis Perbandaran Yala dengan kerjasama beberapa pihak telah mengadakan "*Melayu Day*" atau Hari Melayu di Yala" bagi mengadakan suasana budaya Melayu selama tiga hari tiga malam yang diadakan di Padang Gajah (Sanam Chang Phuak) pada 13 hingga 15 Februari 2015. Dengan adanya kegiatan ini, masyarakat selatan Thailand dapat menikmati suasana budaya Melayu, mereka dapat melihat pertunjukan pentas seperti silat, lakonan drama, syair, pantun, dikir barat, dikir hulu, makyong dan lain-lain. Tujuan Majlis Perbandaran Yala mengadakan "*Melayu Day*" adalah untuk menghidupkan suasana aman damai, mengeratkan silaturrahim, dan memberi peluang kepada masyarakat Melayu untuk menjaga jati diri bangsa.

Sebenarnya, melalui kegiatan seni bahasa Melayu ini akan memberi impak yang sangat berkesan kepada sesuatu bangsa kerana dengan bahasa manusia akan berhubungan antara satu sama lain. Pada 8 Januari 2015, Encik Supanat Sirantaweenet Timbalan Setiausaha Agung Pusat Pentadbiran Wilayah Sempadan Selatan (*Southern Border Provinces*



*Administrative Centre* (SBPAC) berkata dalam mesyuarat laporan DBPMT 2014 dan perancangan DBPMT 2015 menyatakan bahawa “Bahasa Melayu merupakan harta budaya masyarakat tempatan yang sangat berharga, kita perlu jaga, kita perlu pelajari bahasa Melayu yang betul, kita gunakan bahasa Melayu sebagai wahana ilmu pengetahuan, dan seni budaya dalam mengeratkan persahabatan antara rakyat dan kerajaan kerana bahasa Melayu itu indah dan damai.”<sup>4</sup>



Oleh itu, usaha memperkuuh bahasa Melayu khususnya di selatan Thailand merupakan tanggungjawab bersama antara semua pihak sama ada pihak masyarakat Melayu sendiri dan juga pihak kerajaan bagi menjaga khazanah bangsa dan menjayakan pusaka nenek moyang kepada anak cucunya yang bergelar orang Melayu. Peribahasa Melayu berbunyi “Bahasa Jiwa Bangsa”

### Kesimpulan

Dahulu Pataniterkenal danmasyhur dengan persuratan Melayu melalui penulisan kitab agama Islam oleh para ulama Patani, seperti Sheikh Daud al-fathoni, Sheikh Ahmad Muhammad Zain al-fathoni, Sheikh ZainalAbidinal-fathoni dan ramai lagi. Hal ini, memang tidak menghairankan bahawa bahasa Melayu telah digunakan sebagai bahasa pengantar ilmu agama Islam, manakala ilmu bahasa mula dipelajari oleh generasi baru bagi memperkuuh peranan bahasa Melayu sebagai wahana ilmu pengetahuan.

Walaupun peranan bahasa Melayu sebagai wahana teknologi masih berkurangan, namun masalah ini merupakan perkara penting yang perlu dirungkai bersama untuk menarik minat para beliahusunya dan umumnya penutur bahasa Melayu di selatan Thailand. Ini kerana teknologi maklumat menyediakan kaedah terbaik dalam

<sup>4</sup> Maklumat pernyataan Encik SupanatSirantaweenet Timbalan Setiausaha Agung SBPAC dipetik oleh penulis sendiri sebagai ahli lembaga DBPMT dalam mesyuarat laporan DBPMT 2014 dan perancangan DBPMT 2015 pada 8 Januari 2015.



menyampaikan menerima maklumat dengan mudah dan pantas kepada semua penduduk dunia (Sulaiman dan Norhaziah, 2014, p. 435).

Selain itu, peranan bahasa Melayu sebagai wahana seni merupakan suatu kenyataan, yang mana kegiatan-kegiatan bahasa dan sastera Melayu mulai berkembang, seperti institusi-institusi pendidikan, pusat-pusat kerajaan memberi kerjasama dalam mengadakan aktiviti-aktiviti bahasa, sastera dan seni budaya Melayu. Antara aktiviti yang diadakan ialah pertandingan pidato bahasa Melayu, malam sastera, hari Melayu di Yala (*Melayu Day*) dan lain-lain.

Oleh itu, untuk memajukan tamadun bangsa Melayu, maka bangsa Melayu itu sendiri perlu berusaha memperkuatkan peranan bahasa Melayu sebagai penghela dan wahana ilmu pengetahuan, teknologi dan seni. Bahasa Melayu merupakan wahana penting dalam meningkatkan taraf hidup bangsa Melayu. Ini kerana kewujudan dan kesinambungan antara ketiga-tiga wahana tersebut merupakan kegemilangan bagi sebuah tamadun bangsa.

## Bibliografi

- Abdurrahman Ismail Dewani. 2011. Bunga rampai sastera Melayu lama. Pattani.
- Abdurrahman Ismail Dewani. 2011. Saqafah budaya Melayu. 2011. Pattani
- Abdul Halim Ali dan Norsaliza Mohd Shuhaini. 2014. Pengupayaan jaringan bahasa Melayu. *Prosiding. Memartabatkan Bahasa Melayu Asean II*, 25-25 Oktober 2014: 318-347.
- Awang Sariyan. 2014. Bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa dan upaya pengantarabangsaannya. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hanifah Madarsa. 2014. Petikan bahasa. *Dewan Bahasa*. November 2014: 64.
- Idris Mohd. Radzi dan Abdul Halim Ali. 2012. Pendidikan bahasa Melayu di selatan Thailand: Ke manakah arahnya?. *Prosiding. Memartabatkan Bahasa Melayu di Asean*, 13-14 Oktober 2012: 251-263.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalid Ismail, Abdul Halim Ali, Abdul Halim Ibrahim dan Azhar Wahid. (2014). Peranan bahasa Melayu dalam meningkatkan ekonomi sempadan Malaysia-Thailand. *Prosiding. Memartabatkan Bahasa Melayu Asean II*, 25-25 Oktober 2014: 229-235.
- Mohd. Lazim Lawee. 2013. Dunia Oh Dunia. *Di bawah langit rampai sastera melayu unaru-Patani..* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Tarmizi Hasrah. 2013. Syekh Ahmad al-Fathani & Ferdinand de Saussure. *Dewan Bahasa*. April 2013: 40-42.
- Naffi Mat. 2014, Penggunaan bahan sastera dalam peningkatan penguasaan bahasa Melayu. *Prosiding. Memartabatkan Bahasa Melayu Asean II*, 25-25 Oktober 2014: 289-296.
- Nazmi Yaakub. 2012. *Berita harian*. Bahasa Melayu dalam Teknologi Maklumat. *berita harian* pada 27 Jun 2012 (Sumber



- [http://www2.bharian.com.my/bharian/articles/BahasaMelayu-dalam-teknologimaklumat/Article/index\\_html](http://www2.bharian.com.my/bharian/articles/BahasaMelayu-dalam-teknologimaklumat/Article/index_html)
- Nik Abdul Rakib Nik Hassan. 2012. Pertemuan penyair Nusantara ke IV. *Memperkasakan sastera Melayu di Patani*. Disember 2012: 29-31.
- Nik Abdul Rakib Nik Hassan. 2003. Siamisasi masyarakat Melayu di kampung Duku, daerah Bachok, wilayah Narathiwat. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Noor Azlina Ibrahim. 2012. Bahasa Melayu tahun 1 (KSSR). [Blogspot.http://noorazlinaibrahim.- blogspot.com/p/seni-bahasa.html](http://noorazlinaibrahim.blogspot.com/p/seni-bahasa.html)
- PhaosanJehwae. 2012. Bahasa Melayu mampu mendamaikan rantau Melayu/Nusantara. *Prosiding*. Memartabatkan Bahasa Melayu di Asean, 13-14 Oktober 2012: 123-133.
- RahimahDolah. 2002. *Peranan Guru Tadika Dalam Mendidik Anak Watannya Di Selatan Thai*. Latihan Ilmiah BA. Yala: Kolej Islam Yala.
- RattiyaSaleh. 2010. Bahasa Melayu di Thailand masa kini. *Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Lingua Franca* (Editor Suwardi dan Zulkarnain). Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Rozali Rajab. 2012. Bahasa Melayu dalam Era Teknologi Maklumat dapat merealisasikan pembentukan negara bangsa Malaysia. [Blogspot.<http://cikgurozali.blogspot.com/2012/05/-bahasa-melayu-dalam-era-teknologi.html>](http://cikgurozali.blogspot.com/2012/05/-bahasa-melayu-dalam-era-teknologi.html)
- Samsiah Ghani. 2012. Aspek seni bahasa dalam KSSR. [Blogspot.\[http://samsiahghani.-blogspot.com/2012/12/aspek-seni-bahasa-dalam-kssr..html\]\(http://samsiahghani.blogspot.com/2012/12/aspek-seni-bahasa-dalam-kssr.html\)](http://samsiahghani.blogspot.com/2012/12/aspek-seni-bahasa-dalam-kssr.html)
- SulaimanSarkawi dan NorhaziahMdSalleh. 2014. Peranan teknologi dan komunikasi dalam perkembangan bahasa Melayu. *Prosiding*. Memartabatkan Bahasa Melayu Asean II, 25-25 Oktober 2014: 433-440.
- SuraiyaChapakiya. 2014. Bahasa dan sastera dengan media baru. *Prosiding*. Memartabatkan Bahasa Melayu Asean II, 25-25 Oktober 2014: 441-448.
- SuraiyaChapakiya dan Abdul Halim Ali. 2014. Penyebaran dan penggunaan bahasa Melayu di Thailand. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Sultan Idris.
- SuraiyaChapakiya. 2013. Memartabatkan bahasa Melayu di selatan Thailand. *Dewan Bahasa*. Februari 2013: 47.
- Usman Tanjung. 2013. Anakku. *Di bawah langit rampai sasteramelayunaruPatani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad. 2014. Lebih setengah abad bahasa Melayu menongkah gelombang transformasi pendidikan. *Dewan Bahasa*. November 2013, p. 4).

